

***FIQH AL-WĀQI'* DALAM PENENTUAN STANDARD SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA**

Nor Arfah binti Mohd Ishak^{1*},

Mohammad Taquiuddin bin Mohamad²

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author: n_arfah@yahoo.com

ABSTRAK

Kontrak atau produk kewangan dalam industri perbankan Islam banyak diguna pakai semenjak dulu hingga kini. Ini dapat dilihat dalam banyak produk perbankan seperti pembiayaan, akaun, penerbitan bon dan banyak lagi. Kontrak-kontrak bagi produk ini mempunyai standard syariah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah dan diguna pakai oleh kebanyakan Institusi Kewangan Islam terutamanya di Malaysia. Artikel ini memfokuskan kepada perbincangan mengenai penggunaan *fiqh al-wāqi'* oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam menentukan dan mengeluarkan standard syariah yang dijadikan rujukan oleh Institusi Kewangan Islam Malaysia. Analisis dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan metode pengumpulan data melalui perpustakaan dan temu bual

serta metode analisa data secara analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa *fiqh al-wāqi'* merupakan salah satu elemen yang diambil kira dalam mengeluarkan hukum atau standard syariah. Umumnya, terdapat beberapa tahap yang biasanya terlibat dalam penggunaan *fiqh al-wāqi'* untuk mengeluarkan standard syariah oleh Bank Negara Malaysia. Secara asasnya, semua hukum-hakam Islam diperoleh daripada al-Quran dan Sunah, namun prinsip yang terkandung dalam al-Quran dan Sunah menganjurkan kepada kita agar meneliti realiti kehidupan semasa. Malah, kefahaman tentang realiti kehidupan semasa menentukan tahap kefahaman tentang dalil dan matlamat hukum syarak.

Kata Kunci: Fiqh al-wāqi', Majlis Penasihat Syariah, Standard Syariah, Fiqh al-Awlāwiyyāt, Fiqh al-Muwāzzanāt

ABSTRACT

Contracts or financial products in the Islamic banking industry have been widely used since the past until now. This can be observed in various banking products such as financing, accounts, bond issuances, and many more. The contracts for these products have Sharia standards issued by the Sharia Advisory Council and are adopted by most Islamic Financial Institutions, especially in Malaysia. This article focuses on the discussion of the application of fiqh al-wāqi' by the Sharia Advisory Council of Bank Negara Malaysia in determining and issuing Sharia standards that serve as a reference for Islamic Financial Institutions in Malaysia. The analysis is conducted using qualitative methods with data collection through library research and interviews, employing content analysis. The

study found that fiqh al-wāqi' is one of the elements taken into consideration in issuing Sharia laws or standards. There are several common stages usually involved in using fiqh al-wāqi' to issue Sharia standards by Bank Negara Malaysia. Fundamentally, all Islamic legal rulings are derived from the Quran and Sunnah, but the principles contained in the Quran and Sunnah encourage us to examine the realities of contemporary life. In fact, an understanding of the realities of contemporary life determines the level of understanding of the evidence and objectives of Sharia law.

Keywords: *Fiqh al-wāqi', Sharia Advisory Council, Sharia standards, Fiqh al-Awlāwiyyāt, Fiqh al-Muwāzzanāt*

PENGENALAN

Syariah Islam mempunyai pelbagai doktrin tetap, tidak berubah walaupun masa dan zaman bergerak pantas melalui pelbagai jenis perubahan. Namun begitu, aplikasi daripada syariah boleh menerima perubahan seiring keperluan semasa. Ia bermaksud pemahaman nas-nas syarak serta penghasilan hukum tertentu boleh menerima perubahan berdasarkan faktor-faktor tertentu di mana perubahan ini adalah berdasarkan perubahan nilai semasa dan setempat. Ia seiring dengan kaedah fiqh, “hukum (fatwa) berubah akibat perubahan masa, tempat dan suasana”.¹

¹ Abdul Karim Ali. (2000). Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak dalam Menentukan Hukum. Dlm. Paizah Ismail (pnyt). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. hlm. 54-69. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

DEFINISI FIQH AL-WĀQI'

Fiqh al-wāqī' adalah istilah Islam yang merujuk kepada pemahaman konteks dan realiti satu-satu situasi untuk menerapkan hukum Islam dengan tepat. Istilah “fiqh” bermaksud pemahaman, sedangkan “*al-wāqī'*” bererti kejadian atau realiti semasa. Oleh kerana itu, *fiqh al-wāqī'* bermaksud pemahaman tentang hukum Islam berkaitan dengan peristiwa dan masalah yang muncul dalam kehidupan sehari-hari.² *Fiqh al-wāqī'* dianggap penting untuk mengeluarkan fatwa dan hukum, bagi memastikan hukum Islam sentiasa relevan dengan konteks spesifik di mana ia diterapkan.³

Dalam menentukan satu-satu standard, hukum atau fatwa berkaitan muamalat ini terdapat beberapa fiqh yang perlu diambil kira. Antaranya ialah:

Fiqh al-Wāqī'

Fiqh al-wāqī' atau fiqh semasa juga dikenali sebagai fiqh kontemporari pada masa ini. Sejarah perkembangan pengajian Syariah mula dikenali ramai selepas zaman “*tajdīd*”, atau boleh disebut sebagai postajdid. Menurut *Yūsuf al-Qaradāwī*, ia sama ada penyaringan kembali fiqh klasik

² Ensiklopedia Hukum Islam Fiqih Waqi. 2012. *Republika*, 25 Oktober. <https://khazanah.republika.co.id/berita/mcg8nj/ensiklopedi-hukum-islam-fiqih-waqi-1>

³ Fiqh Al-Waqi': Understanding the Context and Reality. 2022. *Muslim.sg*, 18 Jan. <https://muslim.sg/articles/fiqh-al-waqi-understanding-the-context-and-reality>

berasaskan nilai semasa, atau jawapan terhadap persoalan semasa yang biasa disebut dalam istilah pengajian Syariah sebagai “*nawāzil*” (النوازل) atau “*mustajiddāt*” (المستجدات). Faktor perubahan zaman mendukung “Fiqh kontemporari” atau “Fiqh semasa”. Fiqh bermaksud “kefahaman yang mendalam”, dan kefahaman yang mendalam ini hanya boleh dicapai melalui ijtihad atau istilah barunya “penyelidikan”.⁴

Menurut *Yūsuf al-Qaradāwī*, maksud *fiqh al-wāqi’* ialah kefahaman yang mendalam tentang hakikat kehidupan yang dicapai dengan cara meneliti, membaca dan membuat kajian ilmiah tentang pelbagai aspek realiti kehidupan semasa. Antara pemikiran al-Qaradāwī dalam pemahaman *fiqh al-wāqi’* adalah seperti berikut :

1. Fatwa dan hukum boleh berubah-ubah dipengaruhi oleh realiti sosial yang melingkupinya. Hal ini bukan merupakan kaedah yang baru, kerana para ulama terdahulu telah mempraktikkannya, seperti Ibn al-Qayyim, al-Qarāfi, dan Ibn ‘Ābidīn;
2. Kedua, realiti sosial yang dimaksudkan adalah segala sesuatu yang ada di sekitar kehidupan ijtihad dari berbagai sudut, sehingga melahirkan redaksi yang berbeza.

⁴ Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2016. Aplikasi Fiqh Kontemporari dalam Menangani Persoalan Hukum Baru Kefatwaan. Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari dalam Mendepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia. Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur, 10 Mac 2016, hlm. 1-7.

3. Dalam hal ini, satu kajian telah mengumpulkan tulisan-tulisan al-Qaraḍāwī mengenai *fiqh al-wāqi'* yang tidak diterbitkan di pelbagai buku, majalah, laman web dan platform lain untuk dijadikan satu pemikiran al-Qaraḍāwī yang utuh dan komprehensif.
4. Mengikut pandangan al-Qaraḍāwī, terdapat 10 perkara yang menjadi faktor perubahan fatwa, iaitu: perubahan keadaan (*al-hāl*), perubahan zaman (*al-zamān*), perubahan tradisi (*al-'urf*), perubahan tempat (*al-makān*), perubahan paradigma berfikir (*al-ra'yu wa al-fikr*), perubahan tingkat kemampuan dan kemungkinan (*al-qudrah wa al-imkanāt*), perubahan keperluan manusia (*hājah al-nās*), perubahan gaya hidup (*al-awdha' al-hayātiyyah*), serta keadaan yang sulit dielakkan (*'ūmūm al-balwā*).
5. Sebelum diberikan suatu hukum tertentu, realiti sosial semasa perlu dikaji secara mendalam untuk mengetahui hakikatnya.
6. Realiti sosial pada masa permulaan Islam perlu dipelajari dan dikaji untuk dijadikan model atau sampel dalam memahami karakter serta tujuan syariah;
7. Sebagai pengamalan realiti (*wāqi'iyah*) Islam, hukum fiqh hendaknya bersifat realistik iaitu tidak menyulitkan, namun mempertimbangkan tahap kemampuan mukallaf, contohnya

jika pada keadaan tertentu seperti keadaan darurat hukum boleh berubah 180 darjah;

8. Fiqh semasa tidak berdiri sendiri, tetapi kelanjutan dari metode istinbat hukum (usul fiqh) yang telah berjalan selama ini. Ilmu usul fiqh klasik tidak banyak membahas mengenai peranan realiti sosial dalam proses formulasi hukum fiqh, sedangkan untuk usul fiqh kontemporari kajian atas realiti sosial secara mendalam tidak boleh diketepikan;
9. Fiqh semasa tidak mengabaikan tekstualiti al-Quran dan Sunah, tetapi memerlukan sinergi antara teks-teks al-Quran dan Sunah dan intipati tujuan syariat yang universal. Konsep fiqh semasa tersebut bertumpu pada pemahaman mengenai fleksibiliti Islam (*al-murūnah*) dan mengenai yang tetap dalam Islam (*al-thawābit*). Di antara contoh aplikasi fiqh semasa adalah tidak wajib bagi wanita mengqada puasa yang ditinggalkan kerana hamil dan menyusukan anak. Mereka hanya wajib membayar fidyah sahaja. Al-Qaradāwī melihat pada realiti semasa yang terjadi di mana terdapat kes wanita yang hamil setiap tahun dan menyusukan anak sehingga tidak mempunyai kesempatan untuk mengqada puasa. Sekiranya wanita tersebut diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan kerana hamil dan menyusukan anak, bererti dia

harus berpuasa secara terus-menerus. Hal ini tentu saja merupakan sesuatu yang amat menyulitkan.⁵

Kefahaman tentang realiti kehidupan semasa atau *fiqh al-wāqi'* hendaklah diberi perhatian apabila membandingkan keutamaan berdasarkan prinsip *fiqh al-muwāzzanāt* dan *fiqh al-awlāwiyyāt*. Secara asasnya, semua hukum-hakam Islam diperoleh daripada al-Quran dan Sunah, namun prinsip yang terkandung dalam al-Quran dan Sunah menganjurkan kepada kita agar meneliti realiti kehidupan semasa. Malah, kefahaman tentang realiti kehidupan semasa menentukan tahap kefahaman tentang dalil dan matlamat hukum syarak.

Kesimpulannya, seseorang itu belum mampu membuat perbandingan nilai (*al-muwāzzanāt*) dan belum mampu mengenal pasti keutamaan (*al-awlāwiyyāt*) jika hanya mahir memahami dalil (*fiqh al-nuṣūṣ*) dan matlamat syarak (*fiqh al-maqāṣid*) semata-mata. Apatah lagi jika kefahamannya itu hanya bersandarkan pandangan para ulama silam walaupun ia berdasarkan al-Quran dan Sunah kerana realiti semasa mempengaruhi penentuan hukum.⁶

⁵ Muh. Mufid. 2017. Aplikasi Fiqh al-Waqi': Pertimbangan Aspek Sosiologis dalam Pemikiran al-Qardhawi. *Istinbath: Jurnal Hukum* 14(2): 280-282.

⁶ Mohd Badrol Awang. 2011. Justifikasi Pengamalan Ijtihad dan Pendekatannya dalam Kehakiman Islam Semasa. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 23(2): 129-150.

Fiqh al-Awlāwīyyāt

Al-Awlāwīyyāt adalah kata majmuk daripada perkataan *al-awlā* yang bermaksud lebih utama. *Fiqh al-awlāwīyyāt* bermaksud panduan atau kaedah untuk mengenal pasti hal-hal yang lebih utama dalam agama. Menurut *Yūsuf al-Qaradāwī*, *fiqh al-awlāwīyyāt* bermaksud meletakkan keutamaan sesuatu hal pada di tempat yang sepatutnya secara adil. Setiap perkara dalam Islam mempunyai keutamaannya. Hal yang kurang penting tidak harus diutamakan. Hal yang wajar diutamakan haruslah didahulukan, hal yang tidak wajar diutamakan haruslah dikemudiankan, hal yang kecil tidak wajar diperbesarkan, hal yang penting tidak wajar diambil mudah. Setiap perkara haruslah diletakkan di tempat yang sewajarnya.

Fiqh al-awlāwīyyāt ialah ilmu yang diambil daripada nas-nas naqli daripada al-Quran serta hadis-hadis Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

Terjemahan: Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjidilharam itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah SWT? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah SWT dan Allah SWT tidak memberikan hidayat petunjuk kepada kaum yang zalim. (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah SWT dengan

*harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah SWT (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja) dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.*⁷

Antara konsep *fiqh al-aulāwiyyāt* ialah:

Konsep *fiqh al-aulāwiyyāt* adalah selari dengan teori *maqāsid al-sharī'ah* atau *fiqh al-maqāsid*, di mana tujuan mensyariatkan hukum-hakam adalah untuk kebaikan dan manfaat manusia serta menghalang kemudaratan. Hukum yang ditetapkan mengandungi 'illah tertentu yang matlamatnya perlu dicapai iaitu untuk menjaga lima perkara yang dinyatakan sebelumnya, “Kenapakah zina itu haram? Untuk memelihara keturunan dan nasab manusia. Kenapakah arak itu haram? Untuk memelihara akal manusia.”

Kesinambungan daripada *fiqh al-awlāwiyyāt*, *fiqh al-muwāzzanāt* mengenal pasti *maṣāliḥ* (kebaikan) dan *mafāsīd* (keburukan) apabila mempertimbangkan keutamaan sesuatu hukum. *Al-Qaraḍāwī* berkata:

“Dan apabila berkumpul pada satu perkara kebaikan dan keburukan, kemudaratan dan manfaat maka perlu ditimbang dan dibandingkan antara keduanya. Penentuan berdasarkan yang lebih banyak (sama ada kebaikan atau keburukan)”.

⁷ (al-Tawbah 9:19-20)

1. Menghalang keburukan lebih utama daripada menghasilkan kebaikan.
2. Masalah besar lebih utama daripada yang kecil.
3. Masalah umum lebih utama daripada masalah individu.
4. Masalah yang akan datang lebih utama daripada masalah semasa yang remeh-temeh.
5. *Mafsad* yang ringan lebih utama daripada yang lebih berat.
6. Ilmu lebih utama daripada amalan dan kefahaman lebih utama daripada hafalan.
7. Mengetahui *'illah* di sebalik hukum adalah lebih utama.
8. Perkara yang *qaṭ'ī* lebih utama daripada yang *ẓannī*.
9. Memilih hal yang mudah lebih utama daripada yang susah.
10. Mempertimbangkan *wāqi'* dan *'urf* semasa adalah lebih utama.
11. Mempertimbangkan pelaksanaan secara beransur-ansur adalah lebih utama.
12. Hal yang usul lebih utama daripada yang *furū'*.
13. Hal yang fardu lebih utama daripada yang sunat.
14. Urusan fardu ain lebih utama daripada urusan fardu kifayah.⁸

⁸ Yūsuf al-Qaradāwī. 2011. *Fiqh Awlāwīyyāt*, ed. Ahmad Nuryadi Asmawi. Kuala Lumpur: Thinker's Library.

Fiqh al-Muwāzzanāt

Fiqh al-muwāzzanāt ialah mengimbangi di antara dua keburukan atau *muḍārāt* (*mafsadah*) iaitu mengambil yang lebih kecil keburukan atau *muḍārāt* (*mafsadah*) dari yang lebih besar manakala antara mengimbangi kebaikan atau manfaat (*maṣlahah*) mestilah mengambil yang besar maslahatnya dari yang kecil.

Secara teknikal, *fiqh al-muwāzzanāt* ialah satu disiplin ilmu yang menjelaskan kaedah-kaedah dan cara yang diperlukan untuk memperoleh pertimbangan yang ilmiah di dalam masalah pertembungan sesama *maṣāliḥ* (kemaslahatan) atau *mafsadah* (kemudaratan) ataupun di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* dan dengan pertimbangan itu menjadikan kedua *maṣlahah* dan *mafsadah* itu dapat digunakan dalam situasi sebenar. *Al-Qaraḍāwī* menjelaskan konsep *fiqh al-muwāzzanāt* adalah seperti berikut:

1. Mempertimbangkan *maṣlahah* yang bertembung sesamanya sama ada dalam bentuk saiz dan kapasiti; nilai dan kesan untuk menentukan yang mana satu perlu diberi keutamaan dan yang mana satu perlu dibuang.
2. Mempertimbangkan *mafsadah* yang bertembung sesamanya untuk menentukan yang mana satu diterima dan yang mana satu perlu dielakkan.

3. Mempertimbangkan antara *maṣlahah* dan *mafsadah* sekiranya bertembung keduanya untuk menentukan bila masanya untuk mengelakkan *mafsadah* demi mendapatkan *maṣlahah* dan bila masanya untuk menggunakan *mafsadah* untuk kepentingan *maṣlahah*.⁹

Berdasarkan definisi yang diberikan, *fiqh al-muwāzzanāt* menandakan bahawa *maṣlahah* boleh bertembung sesamanya dan untuk menggunakan kedua-duanya adalah mustahil. Begitu juga dengan *mafsadah*, apabila bertembung sesamanya, adalah mustahil untuk mengelakkan kedua-duanya. Di sini terdapat juga pertembungan antara *maṣlahah* dan *mafsadah*. Sesuatu yang mungkin mengandungi *maṣlahah* pada satu-satu bahagian dan *mafsadah* pada bahagian yang lain kemungkinan ia adalah baik bagi sesuatu kumpulan atau organisasi tetapi mendatangkan mudarat kepada pihak yang lain. Dalam situasi tersebut, syariah mempunyai pelbagai kaedah yang menghasilkan rangka metodologi *muwāzzanāt* dalam peraturan berikut:

1. Mempertimbangkan antara *maṣlahah* dan menentukan yang manakah antaranya lebih sesuai dan diterima dan yang manakah perlu dibatalkan dan diketepikan.

⁹ *Fiqh al-Muwazanat: The Art of Weighing Between the Alternatives in Syariah Decision Making and Its Doctrinal Approach in Malaysian Islamic Financial Market (Part II)*. Islamic Banking and Finance Institute Malaysia. 2006. http://www.ibfim.com/images/media/articles/muwazanat_2_032006.pdf.

2. Mempertimbangkan antara mudarat dan menentukan yang manakah antaranya harus dikekalkan sekiranya mustahil untuk mengelak daripada kedua-duanya dan yang manakah perlu ditangguhkan dahulu.
3. Mempertimbangkan antara *maṣlahah* dan mudarat bila mana bertembung untuk menentukan bila masa mengelak mudarat lebih baik untuk mendapatkan *maṣlahah* dan bila masanya mudarat dipertahankan untuk mendapatkan *maṣlahah*.¹⁰

Syariah mengandungi tiga keperluan iaitu (*darūriyyah*) yang secara mutlaknyanya sangat diperlukan untuk melindungi agama, nyawa, akal, harta dan maruah. Kemudian (*hājiyyah*) yang mana bila tidak dipenuhi akan membawa kepada kehidupan yang susah dan yang terakhir adalah (*taḥsīniyyah*) yang mana melibatkan pembaikan dan pelengkap kepada kehidupan. Berhubung dengan teori dan prinsip *muwāzzanāt* khususnya dalam mencari penyelesaian cara Islam untuk beberapa situasi, al-Qaraḍāwī menulis “sekiranya kita tidak mengaplikasikan *fiqh al-muwāzzanāt*, kita akan menutup banyak pintu-pintu kebaikan, mencipta falsafah penolakan jalan untuk berurusan dengan segala-galanya dan mengasingkan diri sebagai satu helah untuk mengelakkan masalah dan mengelakkan konfrontasi dengan musuh. Ia sememangnya mudah bagi kita untuk mengatakan tidak boleh atau haram kepada cadangan yang

¹⁰ *Ibid.*, 3.

memerlukan kepada ijtihad. Tetapi, sekiranya kita mengaplikasikan *fiqh al-muwāzzanāt*, kita akan menemui satu jalan untuk membandingkan satu situasi dengan situasi yang lain dan menimbangkan antara untung dan rugi pada tahap individu mahupun berkumpulan dan kemudiannya memilih apa yang kita rasa boleh membawa kepada merealisasikan masalah dan mengelakkan mudarat dalam cara yang sebaik mungkin.¹¹

Fiqh al-muwāzzanāt kebanyakannya mengambil berat akan penyelesaian terhadap masalah manusia dan menjadikan kehidupan mereka mudah di sisi syariah. Fiqh makro ini bukan bermaksud mengubah asas-asas syariah ataupun mengubah keperluan-keperluannya. Walau bagaimanapun, keadaan sesuatu tempat, persekitaran dan sistem mungkin memerlukan beberapa penyelesaian sementara yang dihasilkan di bawah tujuan syariah yang umum. Jadi, dalam usaha mencapai perkara-perkara *muwāzzanāt*, peranan ijtihad muncul sebagai satu perkara yang penting dan tidak dapat dielakkan. Tambahan kepada itu, *fiqh al-muwāzzanāt* tidak boleh dianggap sebagai *bid'ah uşūliyyah* dan ia merupakan satu keperluan kepada orang Islam kerana amalan dan ajarannya selari dengan al-Quran dan al-Sunnah dan kefahaman kebanyakan ulama.

¹¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī. 1998. *Al-Siyāsah al-Shar'īyyah fī Ḍaw'u Nuşūş al-Sharī'ah wa Maqāşidih*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.

METODOLOGI KAJIAN

Bermula daripada proses pengumpulan data sehingga proses analisis data, pelbagai metodologi telah digunakan untuk menghasilkan artikel ini. Artikel ini merupakan kajian kes berdasarkan standard syariah, maka ia menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kajian kes, pendekatan kualitatif adalah sangat berguna kerana ia membolehkan pengkaji bertemu dengan responden dan melihat secara langsung apa yang berlaku dan berinteraksi dengan mereka.¹² Oleh yang demikian, artikel ini telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan dua kaedah pengumpulan data iaitu melalui dokumentasi, dan temu bual. Kedua-dua kaedah ini dibentuk berasaskan pendekatan teori-teori yang berkaitan dengan isu dan masalah yang dibincangkan.

Manakala kaedah analisis data iaitu analisis kandungan digunakan untuk menjawab soalan perbincangan, bersesuaian dengan reka bentuk dan objektifnya. Melalui kaedah analisis kandungan ini, komunikasi berbentuk video, audio, verbal atau imej dapat lebih difahami. Data berbentuk dokumentasi yang diperolehi melalui kajian kepustakaan dianalisis untuk mendapatkan maklumat awal kajian berkenaan standard syariah perbankan Islam.

¹² Robert K. Yin, *Case Study Research: Design and Methods*, 5th ed. (New York: Sage Publications Inc., 2013), 68.

Selain itu, analisis kandungan juga dilakukan dengan menggunakan teknik induktif dan deduktif.

PENGAPLIKASIAN *FIQH AL-WĀQI'* DALAM PENENTUAN STANDARD SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

Memahami dan Mengambil kira Realiti Semasa

Realiti semasa cukup sinonim dengan perubahan zaman dan masa yang berlaku. Pembaharuan dalam aspek kehidupan manusia akan mewujudkan realiti kehidupan semasa yang baru sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa yang wujud sama ada dari segi budaya, persekitaran, lokaliti, adat dan seumpamanya. Jika diimbaz kembali, para sarjana silam telah lama mengambil kira input realiti semasa dalam fatwa-fatwa mereka. Contohnya, perbezaan *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* dalam aliran mazhab al-Shafi'i di mana suasana masyarakat di Iraq dan Mesir sangat berbeza. Ini menyebabkan Imam al-Shafi'i terpaksa mengemukakan pandang dalam *qawl jadīd* kerana *qawl qadim* tidak sesuai digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul pada masa itu.

Manakala Ahmad Bu'ud¹³ mendefinisikan realiti semasa dengan maksud setiap keadaan yang merangkumi aspek kehidupan manusia dalam pelbagai bidang dan cabang berdasarkan suasana, realiti, objektif dan perkembangannya. 'Abd. al-Mājid al-Najjār pula menjelaskan

¹³ Ahmad Bu'ud. 2006. *Fiqh al-Wāqi' Uṣūl wa Ḍawābiṭ*. Kaherah: Dar al-Salam.

bahawa, realiti semasa ditakrifkan sebagai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia dengan pelbagai cabang yang berbeza di mana ia menentukan corak kehidupan mereka sehingga membentuk adat, ikutan dan uruf yang tersendiri dan akhirnya melahirkan pelbagai situasi semasa dan perkara-perkara baru.

Realiti semasa yang berlaku dipengaruhi oleh pelbagai elemen yang berlaku dalam kehidupan manusia terutama adat setempat, uruf yang menjadi amalan warisan sejak turun-temurun dan keperluan masa kini yang mendesak perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Ditambah pula dengan kewujudan teknologi moden dalam pelbagai bidang harian masyarakat, pembaharuan semasa dalam bidang ekonomi, perubatan dan perubahan sosial, maka sudah semestinya ia melahirkan pelbagai isu semasa yang memungkinkan perubahan hukum berlaku.¹⁴

Pada umumnya, ketika mengeluarkan standard syariah untuk institusi kewangan seperti bank, Bank Negara Malaysia (BNM) akan melibatkan proses yang teliti dan melibatkan para cendekiawan serta pakar hukum Islam. Proses ini seringkali melibatkan penelitian mendalam untuk memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh bank tersebut mematuhi prinsip-prinsip syariah.

¹⁴ Mohd Faez Mohd Shah dan Noor Naemah Abdul Rahman. 2014. Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden dalam Fatwa Semasa. *Journal of Fatwa Management and Research* 4(1): 67-90.

Berikut adalah beberapa tahap umum yang biasanya terlibat dalam penggunaan *fiqh al-wāqī'* untuk mengeluarkan standard syariah oleh Bank Negara Malaysia:

1. Pemahaman Terhadap Prinsip Syariah: Para pakar hukum Islam dan ahli fiqh akan memahami prinsip-prinsip syariah yang terkait dengan perbankan dan kewangan Islam.
2. Penyelarasan dengan Hukum Islam: Produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank akan diselaraskan dengan prinsip-prinsip hukum Islam. Ini mungkin melibatkan peninjauan mendalam terhadap struktur produk, transaksi, dan prosedur operasional bank.
3. Konsultasi dengan Ahli Syariah: Para ulama atau ahli syariah akan dikonsultasikan untuk memberikan pandangan mereka tentang kepatuhan terhadap prinsip-prinsip syariah.
4. Audit Syariah: Audit syariah mungkin dilakukan untuk memastikan bahawa operasi dan transaksi bank sesuai dengan prinsip-prinsip syariah. Ini dapat mencakup pemeriksaan rutin oleh badan pengawas syariah atau Majlis Penasihat Syariah bank.
5. Pengawasan dan Pelaporan: Bank Negara Malaysia akan mengawasi secara berkala untuk memastikan bahawa bank mematuhi standard syariah yang dikeluarkan. Pelaporan berkala mungkin juga diperlukan untuk memastikan ketelusan dalam pematuhan dan pelaksanaan.

6. Pembaharuan Berdasarkan Perubahan Kontekstual: *Fiqh al-wāqi'* dapat digunakan untuk menyesuaikan standard syariah dengan perubahan kontekstual, sama ada dalam teknologi, ekonomi, atau isu-isu sosial yang berkembang.
7. Penglibatan Pihak Berkepentingan: Melibatkan pihak berkepentingan, termasuk masyarakat dan pelanggan, dalam proses untuk memastikan ketelusan dan penerimaan umum.¹⁵

Prinsip utama proses ini adalah memastikan bahawa kecekapan dan praktik perbankan selari dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip hukum Islam. *Fiqh al-wāqi'* memainkan peranan penting dalam menyesuaikan hukum Islam dengan keadaan semasa memungkinkan bank untuk tetap relevan dan sesuai dengan prinsip-prinsip syariah dalam lingkungan yang terus berubah.

Pengkaji telah menemu bual beberapa orang Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Penasihat Syariah Bank, ahli akademik berkenaan kaedah penetapan hukum dalam standard syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

¹⁵ Mohamad Akram Laldin (Pengarah Eksekutif, ISRA Kuala Lumpur). 2019. Temu bual, 8 Mac.

Senarai informan terlibat adalah seperti berikut :

Jadual 1: Senarai Informan

Informan	Institusi
Informan 1	Ketua Pegawai Eksekutif, International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) Consulting & mantan ahli AAOIFI
Informan 2	Pengarah Eksekutif, ISRA
Informan 3	Mufti Wilayah Persekutuan 2019
Informan 4	Jawatankuasa Edukasi, Sosialisasi Dan Literasi Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia
Informan 5	Anggota Pengurus Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia
Informan 6	Penasihat Syariah CIMB Bank Kuala Lumpur
Informan 7	<i>Head Syariah Review</i> , SME Bank Kuala Lumpur
Informan 8	Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia
Informan 9	Zurich Takaful, Kuala Lumpur
Informan 10	Penyelidik ISRA

Dalam temu bual bersama pengkaji, Informan 1 menyatakan bahawa:

“Kita melihat kepada 4 mazhab, maknanya kita tidak terikat dengan mana-mana mazhab kita lihat kepada 4 mazhab, dan kita lihat kesesuaian, bukan nak cari yang

ringan bukan yang tapi kesesuaian *the practically theory* dengan keadaan kita semasa.”¹⁶

Manakala Informan 10 menyatakan bahawa:

“Sefaham saya berdasarkan prinsip masalah.”¹⁷

Informan 7 pula menyatakan bahawa:

“Sekarang ni untuk penentuan hukum kita ada Syariah *Recouncil* atau Majlis Penasihat Syariah Bank Negara jadi apa metode yang digunakan oleh MPS bank negara ni sebenarnya tidak terikat kepada satu-satu mazhab *even* kalau kita belajar fiqh muamalat pun banyak keluar daripada mazhab syafi’e pun.”¹⁸

Informan 8 menyatakan:

“Berdasarkan al-Quran, hadis, ijmak, *qiyas*, dan sumber-sumber hukum yang lain seperti *Istishab*, *maslahah* dan sebagainya, dengan dipandu oleh garis-garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dari masa ke semasa.”¹⁹

Manakala Informan 3 pula menyatakan bahawa:

“Dan mana-mana pengeluaran hukum, mana-mana institusi sekali pun dia akan berpegang kepada satu

¹⁶ Informan 1 (Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA), temu bual.

¹⁷ Informan 10 (Penyelidik ISRA), temu bual.

¹⁸ Informan 7 (*Head Syariah Review*, SME Bank Kuala Lumpur), temu bual.

¹⁹ Informan 8 (Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia), temu bual.

konsep iaitu *al-ḥukm ‘alā al-shaī’ far‘un an tasawwurin*, maknanya kita nak menetapkan sesuatu hukum konsep atau gambaran tentang sesuatu hukum mestilah jelas terlebih dahulu.”²⁰

Ini dibuktikan dalam salah satu standard yang dikeluarkan oleh Malaysia berkenaan *mushārahah mutanāqīshah*, MPS dirujuk berhubung dengan isu-isu berikut:

1. Sama ada perjanjian *mushārahah* dan *ijārah* boleh dihindungkan dalam satu dokumen perjanjian *mushārahah mutanāqīshah* kerana dibimbangi penggabungan ini menyebabkan berlakunya dua urusan niaga dalam satu akad jual beli (*bay‘atayn fī al-bay‘ah*) yang ditegah syarak; dan
2. Sama ada cagaran boleh dilakukan oleh salah seorang pemilik aset ke atas sesuatu aset yang dimiliki secara bersama.

Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-56 bertarikh 6 Februari 2006 telah memutuskan perkara berikut:

1. Amalan menghimpunkan perjanjian *mushārahah* dan *ijārah* dalam satu dokumen perjanjian adalah dibenarkan selagi kedua-

²⁰ Informan 3 (Mufti Wilayah Persekutuan 2019), temu bual.

dua akad tersebut dimeterai secara berasingan dan jelas serta tidak bercampur aduk antara satu sama lain; dan

2. Amalan cagaran dalam *mushārahah mutanāqīshah* boleh dilaksanakan sekiranya dokumen cagaran hanya melibatkan bahagian milik pelanggan yang digadaikan kepada institusi kewangan Islam. Ini adalah kerana hak milik bermanfaat ialah sesuatu yang diiktiraf oleh syariah.

Asas Pertimbangan

Keputusan di atas adalah berdasarkan pertimbangan bahawa kontrak *mushārahah mutanāqīshah* yang menghimpunkan kedua-dua kontrak *mushārahah* dan *ijārah* merupakan satu bentuk kontrak bersifat akad-akad baharu ('*uqūd mustajiddah*) yang telah diiktiraf oleh ulama fiqh semasa bagi memenuhi kehendak muamalat Islam masa kini.

Syarak membenarkan beberapa bentuk pengurusan (*taşarruf*) ke atas aset *mushārahah*. Antaranya, kedua-dua pihak yang berkongsi dalam kontrak *mushārahah* mempunyai hak untuk berjual beli atau menyewakan aset *mushārahah* kerana pensyarikatan mempunyai maksud *wakālah*. Oleh itu, setiap rakan kongsi boleh menjadi wakil kepada rakan kongsinya untuk berjual beli atau melakukan sewaan termasuklah berjual beli atau menyewakan bahagian masing-masing dalam aset *mushārahah* sesama sendiri.

Selain itu, rakan kongsi juga dibenarkan memberi dan menerima cagaran terhadap aset *mushārahah* dengan keizinan rakan kongsi yang lain. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqh yang berikut:

“Semua yang harus dijual beli, harus digadai.”²¹

Berdasarkan standard syariah yang dikeluarkan oleh MPS BNM tersebut, dapat dilihat bahawa MPS BNM menetapkan keputusan atau standard melalui kaedah *ijtihad jamā'ī* dengan menggunakan kaedah-kaedah fiqh yang bersesuaian serta ijmak ulama empat mazhab utama termasuk fiqh semasa atau *fiqh al-wāqī'*. Pengamalan kaedah *ijtihad jamā'ī* ini dapat dilihat dengan pelaksanaan Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah setiap bulan. Sehingga 2022, sebanyak 218 mesyuarat telah dilaksanakan sejak penubuhan MPS BNM. Segala keputusan yang dikeluarkan adalah berdasarkan persetujuan semua ahli MPS dan diterbitkan untuk menjadi panduan kepada Institusi Kewangan Islam Malaysia dan bank-bank termasuk bank konvensional.

KESIMPULAN

Kesimpulannya sebelum sesuatu hukum ijtihad dikeluarkan, mujtahid perlu memahami teks atau nas-nas dan praktis semasa perbankan dan kewangan negara yang mana ia merupakan elemen yang terkandung di

²¹ *Ibid.*

dalam *fiqh al-wāqi'* memandangkan hukum muamalat juga berubah mengikut keperluan zaman.

Kaedah-kaedah penyelidikan dalam penetapan hukum Islam semasa juga perlu dibentuk melalui beberapa tahap tertentu termasuk berijtihad dengan mengaplikasikan kaedah usul al-fiqh yang pelbagai dan sumber-sumber lain yang diperakui serta mengguna pakai kaedah-kaedah fiqh bagi mengenal pasti hukum yang rasional dalam menyelesaikan isu berbangkit.

Dalam hal ini Bank Negara Malaysia telah mengaplikasikan *fiqh al-wāqi'* serta beberapa ilmu fiqh yang lain dalam proses mengeluarkan standard syariah sebagai rujukan kepada para pemain industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ali. 2000. Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum. Dlm. Paizah Ismail (pnyt.). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 54-69.
- Abdul Karim Ali dan Raihanah Haji Azhari. 1999. Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. 1999. Permasalahan Intelektual dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia. Dlm. *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 125-130.
- Ah. Azharuddin Lathif (Jawatankuasa Edukasi, Sosialisasi dan Literasi Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia). 2018. Temu bual, 18 September 2018.
- Ahmad Arshad Ezhar (Penasihat Syariah CIMB Bank Kuala Lumpur). 2020. Temu bual, 5 Disember 2020.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Ahmad Termizi Mohamad Din (Head Syariah Review, SME Bank Kuala Lumpur). 2020. Temu bual, 29 Disember 2020.
- Ahmad Zakirullah Mohamed Sani (Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia). 2020. Temu bual, 31 Disember 2020.
- Akh Minhaji dalam Amir Mualim. 2006. *Ijtihad dan Legislasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: UII Press.

- Ashraf Md. Hashim (Ketua Pegawai Eksekutif, International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) Consulting, Kuala Lumpur dan bekas ahli jawatankuasa AAOIFI). 2019. Temu bual, 15 Februari 2019.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Standard Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2. Kuala Lumpur, Bank Negara Malaysia.
- Hafiza Harun (Zurich Takaful). 2021. Temu bual, 12 Disember 2021.
- Hasanuddin (Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia). 2018. Temu bual, 18 September 2018.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2016. Aplikasi Fiqh Kontemporari dalam Menangani Persoalan Hukum Baru Kefatwaan. Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia, Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur, 10 Mac, 1-7.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1999. Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun. Dlm. *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 4-5.
- Mazrul Shahir Md Zuki (Penyelidik ISRA). 2021. Temu bual, 8 Mac 2021.
- Mohamad Akram Laldin (Pengarah Eksekutif, ISRA Kuala Lumpur). 2019. Temu bual, 8 Mac 2019.
- Mohd Badrol bin Awang. 2011. Justifikasi Pengamalan Ijtihad dan Pendekatannya dalam Kehakiman Islam Semasa. *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia* 23(2), 129-150.

- Muh. Mufid. 2017. Aplikasi Fiqh Alwaqi': Pertimbangan Pertimbangan Aspek Sosiologis dalam Pemikiran Al-Qardhawi. *Istinbath: Jurnal Hukum* 14(2), 280-282.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. 2002. Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- Paizah Hj. Ismail. 1999. Fiqh al-Awlawiyat: Konsep dan Hubungannya dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar' dan Fiqh al-Waqi' dalam Pelaksanaan Hukum Islam. Dlm. *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 73-80.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2000. Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa. *Jurnal Afkar* 1.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 1993. Ijtihad: Suatu Analisis Perbandingan. *Jurnal Syariah* 1(2).
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2007. Aliran Pemikiran Islam Moden: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 15.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2000. Konsep Fiqh Malaysia untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya. *Jurnal Pengajian Melayu* 10.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Nor Hayati Mohd Dahlal. 2009. Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah* 17(1): 195-222.